



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 21 SEPTEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



UKK KPWKM

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KPWKM NAFI BAYI BAJAU LAUT 'DIRAMPAS'	
	https://www.sinarharian.com.my/article/280051/berita/nasional/kpwkm-nafi-bayi-bajau-laut-dirampas	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011725/kpwkm-nafi-laporan-bayi-dirampas-di-hospital	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1155202/kpwkm-nafi-laporan-bayi-dirampas-di-hospital-pengendalian-kes	BHARIAN.COM.MY
	https://wartaoriental.com/2023/09/20/kpwkm-nafi-dakwa-an-baby-snatching-di-lahad-datu-buat-laporan-polis/	WARTAORIENTAL.COM
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/20/ministry-denies-baby-snatching-incident-at-lahad-datu-hospital	THESTAR.COM.MY
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/09/20/women-family-and-community-development-ministry-denies-baby-snatching-incident-at-lahad-datu-hospital/91991	MALAYMAIL.COM
	https://www.malaysiakini.com/news/679941	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2227387	BERNAMA.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-nafi-laporan-bayi-dirampas-di-hospital-pengendalian-kes-dilaksana-dengan-teratur-438294	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	'BAYI DIRAMPAS': KEMENTERIAN DAKWA IBU TOLAK HAK JAGAAN ANAK	
	https://www.malaysiakini.com/news/679944	MALAYSIAKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
3	MP SPEAKS BABY SNATCHING: MINISTRIES MUST LAUNCH INDEPENDENT PROBES	
	https://www.malaysiakini.com/columns/679919	MALAYSIAKINI.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	CSO TUNTUT KETELUSAN PENYIASATAN KES BAYI DIRAMPAS	
	https://www.astroawani.com/videos/politik-x7sio1/cso-tuntut-ketelusan-penyiasatan-kes-bayi-dirampas-x8o74fp	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=Sfcti8nbQHM	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
5	JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK SOLUSI TERBAIK TANGANI ISU DERA, ABAI KANAK-KANAK	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1154158/jabatan-pembangunan-kanak-kanak-solusi-terbaik-tangani-isu-dera-abai	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	ZAITON SAMEON TERPAKSA MENARUH HARAPAN PADA JKM	
	https://m.malaysiakini.com/hiburan/679873	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.bharian.com.my/hiburan/celebriti/2023/09/1154299/terima-kasih-bantu-saya-terharu-zaiton-sameon	BHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=9Sa72dHnZfy	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
7	'HANYA SEMPAT JERIT PADA ISTERI SURUH BERLINDUNG'	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011625/hanya-sempat-jerit-pada-isteri-suruh-berlindung	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
8	CEO WANITA DISIASAT SALAH GUNA KUASA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011568/ceo-wanita-disiasat-salah-guna-kuasa	HMETRO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/09/20/ceo-wanita-disyaki-salah-guna-kuasa-dicekup-sprm/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/20/salah-guna-kuasa-ceo-wanita-ditahan/	FREEMALYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
9	WANITA GAGAL SELUDUP DADAH HAMPIR RM1 JUTA DALAM TIN BISKUT	
	https://www.sinarharian.com.my/article/280074/berita/semasa/wanita-gagal-seludup-dadah-hampir-rm1-juta-dalam-tin-biskut	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	TAKUT DIHUKUM GANTUNG, WANITA RUGI LEBIH RM100,000 DITIPU PHONE SCAM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/takut-dihukum-gantung-wanita-rugi-lebih-rm100000-ditipu-phone-scam/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-rugi-rm118880-jadi-mangsa-phone-scam-438173	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
11	TINGKAT AKSES OKU KEPADA PELUANG PEKERJAAN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/tingkat-akses-oku-kepada-peluang-pekerjaan/	UTUSAN.COM.MY
	https://themerdeketimes.com/news/2023/09/kerajaan-akan-tingkatkan-akses-pekerjaan-bagi-kelompok-oku/	THEMERDEKATIMES.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

21/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
12	33 TERMASUK 30 WANITA WARGA ASING DITAHAN DALAM SERBUAN DI SEBUAH PUSAT HIBURAN	
	https://www.buletintv3.my/jenayah/33-termasuk-30-wanita-warga-asing-ditahan-dalam-serbuan-di-sebuah-pusat-hiburan/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	BELANJAWAN 2024: HAMPIR 50% PENDUDUK MALAYSIA WANITA, APA TAHAP PEMERKASAAN WANITA KINI?	
	https://www.astroawani.com/videos/awani-pagi-x7sio1/belanjawan-2024-hampir-50-penduduk-malaysia-wanita-apa-tahap-pemeriksaan-wanita-kini-x8o6v8g	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
14	SINDIKET LOVE SCAM: SEMBILAN TERMASUK SEORANG WANITA DIBERKAS	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/sindiket-love-scam-sembilan-termasuk-seorang-wanita-diberkas/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	BEKAS PEMANDU BAS SEKOLAH DIPENJARA 8 TAHUN KERANA MELIWAT	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011717/bekas-pemandu-bas-sekolah-dipenjara-8-tahun-kerana-meliwat	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	BANJIR KILAT: 126 MANGSA TERMASUK DUA BAYI DI MARAN DIPINDAHKAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/279922/edisi/pahang/banjir-kilat-126-mangsa-termasuk-dua-bayi-di-maran-dipindahkan	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm


21/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
17	DUA WANITA DILANTIK JAWATAN TERTINGGI JABATAN PEGUAM NEGARA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/dua-wanita-dilantik-jawatan-tertinggi-jabatan-peguam-negara/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	GAGAL TUNJUK KP KETIKA DIPERIKSA POLIS, WARGA EMAS DIDENDA	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/20/gagal-tunjuk-kp-ketika-diperiksa-polis-warga-emas-didenda	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	SARIMAH PERNAH BERDEPAN GANGGUAN SEKSUAL	
	https://www.hmetro.com.my/rap/2023/09/1011499/sarimah-pernah-berdepan-gangguan-seksual	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/20/pegang-dada-saya-ugut-tamatkan-kontrak-mengacara-sarimah-ibrahim/	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/gaya/hiburan/2023/09/sarimah-ibrahim-dakwa-pernah-diraba-penerbit-rancangan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.therakyatpost.com/trpbm/hiburan/2023/09/20/video-sarimah-ibrahim-dakwa-pernah-kena-gangguan-seksual-dengan-kru-diugut-tamatkan-kontrak/	THERAKYATPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
20	BANTU MANGSA GANGGUAN SEKSUAL BUKAN KERJA TUHAN – CAPRICE	
	https://malaysiagazette.com/2023/09/20/bantu-mangsa-gangguan-seksual-bukan-kerja-tuhan-caprice/	MALAYSIAGAZETTE.COM



TAJUK : 9 AHLI SINDIKET EDAR DADAH DIBERKAS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 21 SEPT 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Kamarul Zaman menunjukkan barang rampasan dalam empat serbuan berasingan pada sidang media di IPK Johor, semalam.
(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

9 ahli sindiket edar dadah diberkas

Johor Bahru: Tiga beradik antara sembilan individu ditahan dalam empat serbuan berasingan di sekitar Johor Bahru, Seri Alam dan Kota Tinggi, kelmarin, selepas disyaki terbabit dalam sindiket pengedaran dadah yang dikesan aktif sejak Mei lalu.

Semua sembilan suspek terdiri daripada enam lelaki dan tiga wanita yang semuanya warga tempatan itu ditahan antara jam 2 pagi hingga jam 9.30 pagi.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat, berkata serbuan dijalankan sepasukan polis daripada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman dan JSJN Johor selepas melakukan risikan dan siasatan.

Katanya, tiga beradik terdiri daripada seorang lelaki dan dua wanita itu serta enam individu lain itu ditahan bersama sejumlah

dadah, senjata api dan rokok.

"Berdasarkan modus operandi, sindiket ini menyewa beberapa rumah untuk dijadikan stor simpanan dadah sebelum mengedarkannya ke pasaran tempatan.

"Dadah yang dirampas adalah 28 ketulan mampat ganja seberat 27.55 kilogram (kg), empat paket heroin (1.81kg), enam paket syabu (2.02kg), sepaket ketamin (597 gram), 540 biji pil yaba (81 gram) dan 353 bijil pil ekstasi (106 gram).

"Semua dadah yang dirampas bernilai RM231,462.40 dan dipercayai diperolehi dari utara negara ini.


"Dadah yang dirampas boleh digunakan oleh 50,578 penagih dan sindiket menasaskan jualan untuk pasaran tempatan seperti di kawasan kampung dan Felda," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Jo-

hor di sini, semalam.

Kamarul Zaman berkata, selain dadah, polis merampas lima pucuk senjata api pelbagai jenis bersama 136 butir peluru dan 111 kرتون rokok seludup, selain menyita sebuah motosikal, empat kereta, enam barangan kemas serta wang tunai berjumlah RM126,000.

"Semua nilai barangan yang disita bernilai RM305,200 menjadikan nilai keseluruhan rampasan dadah dan sitaan bagi operasi ini, RM536,662.40," katanya.

Kamarul Zaman berkata, hasil ujian saringan awal air kencing mendapati dua daripada suspek itu positif methamphetamine, manakala hasil semakan rekod lampau mendapati enam daripada mereka mempunyai rekod berkaitan dadah dan jenayah.



TAJUK : **ALMALENA SHARMILA, SUZANA DILANTIK PEGUAM CARA I DAN II**

HARI : **KHAMIS**

AKHBAR : **BERITA HARIAN**

TARIKH : **21 SEPT 2023**

M/SURAT : **09**

ZONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Almalena Sharmila, Suzana dilantik Peguam Cara I dan II

Putrajaya: Datuk Almalena Sharmila Johan dan Datuk Suzana Atan masing-masing dilantik sebagai Peguam Cara I serta Peguam Cara II, berkuat kuasa 2 Oktober ini.

Peguam Negara, Datuk Ter-
rirudin Mohd Salleh, berkata
pelantikan itu selaras dengan

Arahan Pertukaran Pegawai
Undang-Undang Bilangan 107
dan 108 Tahun 2023.

“Jabatan ini memaklumkan
pelantikan Datuk Almalena
Sharmila Johan sebagai Pe-
guam Cara Negara dan Datuk
Suzana Atan sebagai Peguam
Cara Negara II.

“Pelantikan ini berkuat
kuasa mulai 2 Oktober 2023,”
katanya menerusi kenyataan,
semalam.

Justeru, beliau bersama se-
luruh warga Jabatan Peguam
Negara merakamkan ucapan
tahniah atas pelantikan ber-
kenaan.



Almalena Sharmila Johan



Suzana Atan



TAJUK : BEKERJA DARI RUMAH BERI PELUANG WANITA BINA KERJAYA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 21 SEPT 2023

M/SURAT : 22

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Bekerja dari rumah beri peluang wanita bina kerjaya

NGO sokong usaha permudah rakyat bantu jana ekonomi keluarga

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebenaran wanita dengan diberi kelonggaran bekerja dari rumah beberapa hari dalam seminggu akan menggalakkan golongan itu kembali ke pasaran kerja, selain memberi lebih kemudahan kepada mereka yang sedia bekerja.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wanita berpendapat, dalam situasi ekonomi semasa, wanita, terutama sudah berkeluarga, rata-rata tidak mahu hanya bergantung kepada suami, sebaliknya mahu turut sama mencari pendapatan bagi menampung keperluan diri dan keluarga.

Pengerusi Dewanita, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Shirin Othman, berkata beliau menyokong sebarang usaha kerajaan dan majikan untuk melaksanakan bekerja dari rumah, terutama bagi wanita yang sudah lama tidak bekerja



Bertugas dari rumah permudahkan wanita kembali ke dalam pasaran kerja pasca COVID-19. (Foto hiasan)

akibat pandemik COVID-19.

"Dalam keadaan semasa dan selepas pandemik, kebanyakan ekonomi terbanjut dan aliran tunai berkurangan, justeru memang amat digalakkan untuk wanita kembali bekerja, walaupun hanya separuh masa.

"Mungkin ada dalam kalangan wanita tidak bersedia kembali bekerja dengan syarikat sepenuh masa, jadi mereka mungkin boleh bermula dengan bekerja dari rumah," katanya kepada *BH*.

Semalam, Menteri Pembangu-

nan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pihaknya akan mencadangkan langkah bekerja dari rumah (BDR) dua kali seminggu dalam menggalakkan wanita kembali bekerja.

Isu itu dibangkitkan Ahli Parlimen Ampang, Rodziah Ismail, supaya kakitangan wanita diberi kelonggaran untuk BDR dua hari seminggu, selain jadual waktu kerja anjal yang dilaksanakan.

Mengulas lanjut, Shirin berkata, pihaknya juga menyediakan

peluang kursus kemahiran bagi wanita yang ingin kembali bekerja, termasuk untuk menjadi usahawan.

"Wanita perlu mencari jalan dan lebih kreatif bagi menambah nilai keperluan keluarga dan ini sememangnya memerlukan galakan daripada banyak pihak," katanya.

Lelaki juga disaran BDR

Sementara itu, Pegawai Penyelidik Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Iliya Barathi Pannerselvam, berkata cadangan itu adalah langkah awal dan penting untuk pembabitan wanita sebagai tenaga kerja di negara ini.

Bagaimanapun, ia seolah-olah menggambarkan penjagaan anak adalah tanggungjawab wanita saja.

"Justeru, disaran supaya cadangan (bekerja dari rumah dua hari) turut meliputi golongan bapa kerana tanggungjawab penjagaan sepatutnya dikongsi bersama pasangan.

"Kajian menunjukkan tugas penjagaan adalah faktor utama yang menghalang wanita daripada pembabitan dalam tenaga kerja berbayar," katanya.

Iliya Barathi turut memaklumkan, pihaknya kini sedang menjalankan kajian meliputi gender dan kerja penjagaan penting.

Dalam keadaan semasa dan selepas pandemik, kebanyakan ekonomi terbanjut dan aliran tunai berkurangan, justeru memang amat digalakkan untuk wanita kembali bekerja, walaupun hanya separuh masa

Shirin Othman, Pengerusi Dewanita DPMM



Disarankan cadangan (bekerja dari rumah dua hari) turut meliputi bapa kerana tanggungjawab penjagaan patut dikongsi bersama pasangan

Iliya Barathi Pannerselvam, Pegawai Penyelidik WAO





TAJUK : CEO WANITA DISIASAT SALAH GUNA KUASA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 21 SEPT 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

CEO wanita disiasat salah guna kuasa

SPRM dapati projek dilaksana tak ikut spesifikasi

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang ketua pegawai eksekutif subsidiari sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas menggunakan kedudukannya dalam ubah suai gudang dan pembekalan perabot bernilai RM1.9 juta.

Wanita berusia lingkungan 50-an itu turut dikesan menerima wang berjumlah kira-kira RM300,000 yang dimasukkan dalam akaunnya.

Siasatan SPRM Kuala Lumpur dalam kes itu mendapati projek pengubahsuaian itu tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi.

Menurut sumber, suspek dipercayai menggunakan nama sebuah syarikat lain sedangkan kontraktor sebenar adalah syarikat milik suspek sendiri.

“Hasil siasatan juga mendapati suspek tidak membekalkan perabot dan pengubahsuaian gudang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak.

“Selain itu, sejumlah wang dikesan dimasukkan dalam akaun suspek,” kata sumber itu.

SPRM sahan penahanan

BH difahamkan, suspek dipercayai ditahan pada jam 6.30 petang kelmarin ketika diminta hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kuala Lumpur.

Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 16 (a) (A) Akta SPRM 2009.

“Suspek dilepaskan dengan jaminan RM50,000 oleh seorang penjamin selepas keterangannya direkodkan,” katanya.



TAJUK : GUNA RESIPI SENDIRI HASILKAN 12 PERISA PIZA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 21 SEPT 2023

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Guna resipi sendiri hasilkan 12 perisa piza



Siti Mastura gigih mengusahakan kedai piza dan pelbagai makanan Barat, Korea dan ala Thai di Bandar Baru, Gua Musang. (Foto Paya Linda Yahya/BH)

Gua Musang: Pengalaman tiga tahun bekerja di sebuah kedai makanan segera sudah cukup dimanfaatkan untuk berdikari membuka perniagaan sendiri bagi menampung kehidupan.

Siti Mastura Mohd Salleh, 31, berkata berkat ketekunan itu beliau mampu membuka kedai piza dengan 12 perisa pilihan dan lebih 20 jenis sajian Barat, Korea dan ala Thai di Bandar Baru, di sini, hingga mencuri tumpuan pelanggan.

Topping dan roti piza menggunakan resipinya sendiri yang sudah melalui beberapa proses percubaan bagi menghasilkan tekstur lembut dan segar.

"Selepas dua tahun membuka kedai ini, saya ada pelanggan sendiri. Kebiasaannya pelanggan datang bersama keluarga dan rakan, jadi dengan hampir 40 jenis menu ditawarkan, pelanggan daripada pelbagai peringkat umur boleh memilih ikut selera masing-masing.

"Piza menjadi pilihan terutamanya pada musim cuti sekolah dan mampu mencecah sehingga 80 biji sehari," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sebelum ini, Siti Mastura hanya membantu ibu di bengkel membuat kuih sejuk beku, kemudian mencuba menghasilkan sendiri roti piza.

"Dengan pengalaman tiga tahun bekerja di sebuah kedai makanan ringan, saya yakin langkah itu tepat apabila hasil air tangan saya digemari pelanggan dengan dibantu 12 pekerja," katanya bekas graduan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Kos bahan mentah naik

Bagi memastikan kualiti roti segar, doh dibuat setiap hari bermula 8.30 pagi.

Cabaran terbesar menjalankan perniagaan berasaskan makanan adalah terpaksa berdepan kenaikan harga bahan mentah

dan menjaga pelanggan sedia ada.

"Paling merisaukan kalau kita letak harga terlalu tinggi pelanggan tak datang. Bila jual murah, kita pula sengsara menanggung kos operasi untuk terus kekal.

"Tambah pula banyak menggunakan bahan asas seperti tepung dan keju yang sudah pasti mahal. Keju sudah naik harga beberapa kali dalam masa dua tahun kebelakangan ini hingga saya membuat sedikit perubahan pada harga.

"Jadi juga membuat promosi menarik dan berbaloi untuk pelanggan," katanya menerima bantuan mesin pengadun dan latihan serta kursus berkaitan perniagaan dari Pihak Berkualiti Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

Kepuasan pelanggan adalah keutamaannya supaya mereka tersenyum puas dengan makanan dan layanan diberikan.



TAJUK : NENEK 71 TAHUN MASIH MAMPU PANJAT POKOK

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 21 SEPT 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Nenek 71 tahun masih mampu panjat pokok

Kuala Berang: Walaupun menjangkau usia emas, nenek 14 cucu ini masih memiliki tenaga luar biasa kerana mampu memanjat pokok buah-buahan.

Minah Omar, 71, dari Kampung Sekayu di sini, berkata setiap kali tiba musim duku, beliau memanjat pokok berkenaan untuk memungut buah supaya tahan lebih lama.

Katanya, walaupun sudah meningkat usia, beliau masih ada kudrat memanjat pokok yang biasanya dilakukan orang muda.

“Apabila tiba musim duku dan buah lain yang memerlukan dipetik dari pokok, perasaan ingin memanjat membuak-buak.

“Berebalkan kain batik pada bahu, saya memanjat pokok duku untuk memungut buah,” katanya yang masih berkebuduan.

Ketika muda, Minah berkata, beliau mengambil upah memanjat pokok duku dan sekarang hanya memanjat pokok milik sendiri.



Minah memanjat dan memungut duku ketika ditemui di Kuala Berang, semalam.


(Foto Nazdy Harun/BH)

Katanya, beliau bersyukur kerana diberi kesihatan baik dan mampu memanjat untuk mendapatkan hasil selagi kudrat masih kuat.

“Anak melarang memanjat pokok kerana bim-

bang keselamatan memandangkan saya menjangkau usia emas,” katanya.

Selain memanjat, katanya, beliau turut meredah hutan dan bukit secara bersendirian apabila tiba musim buah perah.



TAJUK : WANITA AFRIKA SOROK KOKAIN 4.5KG DALAM TIN BISKUT

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 21 SEPT 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita Afrika sorok kokain 4.5kg dalam tin biskut

Sepang: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menggagalkan cubaan menyeludup 211 kapsul mengandungi kokain bernilai RM918,000 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 14 September lalu.

Dadah seberat 4.5 kilogram (kg) itu ditemukan dalam tiga tin biskut susulan imbasan dilakukan ke atas bagasi milik seorang wanita warga Afrika yang baharu tiba dari Addis Ababa, Ethiopia.

Pengarah Operasi Penguatkuasaan JKDM Zon Tengah, Wong Pun Sian, berkata ketika pengimbasan dilakukan ke atas bagasi milik suspek, anggota bertugas mengesan objek dan imej kehijauan mencurigakan dalam tiga tin biskut milik wanita berkenaan yang disyaki dadah.

“Hasil pemeriksaan, kami menemukan 211 kapsul mengandungi serbuk putih disyaki dadah kokain dengan anggaran berat 4.5 kilogram dan dianggarkan bernilai RM918,000,” katanya pada sidang media semalam.

Pun Sian berkata, siasatan awal mendapati dadah terbabit diterima suspek dari Lapangan Terbang

Addis Ababa untuk dibawa masuk ke Malaysia.

Jelasnya, modus operandi sindiket adalah dengan menyembunyikan dadah dalam tin biskut aluminium bertujuan mengaburi mata pihak berkuasa.

“Berdasarkan jumlah berat dadah dirampas, kami yakin berjaya membanteras pendedaran dadah kepada 23,000 penagih dadah.

“Hasil pemeriksaan, kami menemukan 211 kapsul mengandungi serbuk putih disyaki dadah kokain dengan anggaran berat 4.5 kilogram dan dianggarkan bernilai RM918,00

Wong Pun Sian,
Pengarah Operasi Penguatkuasaan
JKDM Zon Tengah





TAJUK : 'JIKA DIAM, SIAPA TAHU SAYA SUSAH'

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 21 SEPT 2023

M/SURAT : 24

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

ZAITON SAMEON MOHON BANTUAN BULANAN

Jika diam, siapa tahu saya susah'

Oleh Norhayati Nordin
norhayati_nordin@hmetro.com.my

Ampang

Penyanyi era 1980-an, Zaiton Sameon, 67, mengaku dia malu untuk tampil meminta bantuan namun memikirkan keadaan kehidupannya yang menumpang dengan anak angkat, Che Sikah Ismail atau Ika, 47, hampir 13 tahun, ia menjadi ikhtiar terakhir.

Zaiton ketika ditemui berkata, tawaran menyanyi pun jarang diterimanya dan bayaran juga sedikit yang membuatkan dia berhadapan kesusahan dan memerlukan bantuan bulanan.

"Saya sebenarnya malu nak minta bantuan, tapi kalau terus berdiam diri mana orang tahu dan akan datang membantu saya. Jadi, sekarang saya memang perlukan bantuan dan syukur ramai juga yang membantu.

"Kalau boleh, saya ingin tawaran menyanyi. Tapi, dengan keadaan saya yang begini, ramai orang (penganjur) berasa tidak yakin untuk memberikan saya tawaran menyanyi walaupun saya sebenarnya

masih boleh menyanyi.

"Bayaran pula, saya hanya dibayar antara RM1,000 hingga RM1,500 untuk tiga lagu. Kebanyakannya tidak mahu bayar lebih mungkin kerana kurangnya keyakinan pada vokal saya," katanya.

Zaiton berkata, sebagai orang yang menumpang di rumah anak angkatnya, dia tidak mahu menyusahkan dan berasa wajar bersama-sama membantu terutama membayar sewa rumah sebanyak RM1,000 sebulan.

"Saya pun sekarang tidak berapa sihat akibat kecederaan kaki ketika jatuh di dalam lif selepas membuat persembahan di stesen radio. Walaupun boleh berjalan perlahan tapi buku lali masih bengkok lagi.

"Jadi, saya juga memerlukan kos rawatan dan perubahan untuk diri sendiri. Atas sebab itu, bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat diperlukan berikutan kos sara hidup sekarang pun tinggi," katanya.

Terdahulu, kesusahan dialami Zaiton mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menghantar wakilnya iaitu Setiausaha Po-



“
Kalau boleh,
saya inginkan
tawaran
menyanyi...
Zaiton Sameon

ZAITON Sameon (dua dari kiri) menerima sumbangan Perdana Menteri yang disampaikan Setiausaha Politikinya, Ahmad Farhan Fauzi (tiga dari kanan) dan pegawai Jabatan Perdana Menteri di kediaman penyanyi itu di Taman Bukit Indah, Ampang. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

litik beliau, Ahmad Farhan Fauzi untuk melawat serta menyampaikan bantuan.

Ahmad Farhan berkata, pada lawatan berkenaan, pihak Perdana Menteri menyumbangkan bantuan ikhlas berupa wang tunai kepada Zaiton dan bakul makanan sebagai tanda perhatian kepada kesempatan hidup penyanyi lagu Me-

naruh Harapan itu.

"Di samping itu, difahamkan juga pihak JKJ kini sedang mengusahakan bantuan bulanan kepada Zaiton sebagaimana yang diluarkannya kepada media, baru-baru ini.

"Semoga dengan sedikit bantuan yang sudah disampaikan ini, saya harap dapatlah mengurangkan ujian yang dipikul oleh Zai-


ton dalam meneruskan kelangsungan kehidupannya," katanya.

Hadir sama dengan Ahmad Farhan di kediaman Zaiton ialah Pengarah Bahagian Pembangunan Pejabat Perdana Menteri, Khairy Maamor, wakil Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Selangor dan wakil JKJ Hulu Langat.

Pada Ahad lalu, Harian

Metro melaporkan Zaiton amat memerlukan bantuan kewangan bulanan daripada JKJ untuk mengurangkan bebanan kos sara hidupnya.

Bagaimanapun, dia berhadapan masalah apabila tidak tahu bagaimana prosedurnya untuk mengisi borang permohonan bantuan dan berharap pihak JKJ dapat membantu.



TAJUK : 'SAYA PERNAH BERDEPAN GANGGUAN SEKSUAL'

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 21 SEPT 2023

M/SURAT : 24

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'Saya pernah berdepan gangguan seksual'

Kuala Lumpur: Pelakon dan pengacara, Che Puan Sarimah Ibrahim, 45, mengakui dia pernah berdepan gangguan seksual ketika mula-mula terbabit dalam industri hiburan dulu.

Sarimah berkata, dia diganggu seorang lelaki ketika dia mengacarakan satu program ketika itu.

"Individu terbabit menghampiri saya dengan alasan membaiki mikrofon, tetapi dia sebaliknya memegang bahagian dada saya," katanya.

Sarimah berkata, lelaki itu yang juga kru program mengambil kesempatan memegang tubuhnya ketika membaiki mikrofon sebelum program bermula.

"Saya terpaksa senyum seolah-olah tidak terkesan dengan perlakuan itu. Dia sempat memuji saya cantik ketika itu. Dia juga kata kami akan nampak hebat jika bersama tapi dia sudah berkahwin," katanya.

Sarimah yang juga ibu kepada seorang anak berkata, lelaki itu turut mengajaknya bercuti bersama sebagai syarat untuk kekal menjadi pengacara musim seterusnya.

Selain berdepan gangguan seksual, Sarimah turut mendedahkan dia pernah diminta mengenakan pakaian seksi di depan seorang pengarah.


"Ada sekali tu, seorang pengarah suruh saya masuk bilik pakaian rancangan. Dia suruh saya pakai baju seksi dan sudah siapkan baju untuk saya pamerkan dalam bilik itu.

"Saya tanya kenapa saya kena pamerkan di dalam bilik ini bersama pengarah itu secara seorang diri. Situasi itu sangat aneh," katanya.

"Saya tak nak dan enggan tunjukkan lengan. Selepas itu saya tak dapat tawaran, tapi ada rezeki lain selepas itu," katanya.



SARIMAH



TAJUK : ANAK ISSEY MASIH TRAUMA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 21 SEPT 2023

M/SURAT : 24

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

NYARIS DILANGGAR KERETA

Anak Issey masih trauma



ISSEY mendukung Faeq Fathian.

Kuala Lumpur: Anak kepada pelawak dan penyampai radio, Issey, Faeq Fathian, 2, masih lagi terimbau dan sedikit trauma selepas insiden nyaris dilanggar kereta mengundur laju di sebuah

kedai menjual barangan haiwan peliharaan di Puncak Alam.

Walaupun sudah hampir dua minggu selepas insiden itu berlaku, Issey berkata, ada ketikanya anaknya masih lagi me-

nyebut mengenai kejadian itu.

“Alhamdulillah, anak saya semakin okay. Cumanya, bila isteri bawa dia ke kedai sama membeli barangan keperluan kucing, dia teringat balik dan macam takut sedikit.

“Lagi satu, kalau kami menonton filem di rumah pun, kalau ada babak membabitkan kemalangan kereta atau dia pandang saya dan akan sebut, ‘boooom! boooom!’ mungkin dia teringat semula,” katanya kepada Harian Metro.

Issey atau nama sebenarnya Fazlisham Mat Hussin berkata, dia dan isterinya cuba membantu menaikkan semula semangat anak mereka.

“Isteri saya pun sebenarnya masih trauma sebab dia pun berada di lokasi kejadian,” katanya.



TAJUK : **KEK TOM AND JERRY PIKAT PELANGGAN**

HARI : **KHAMIS**


TARIKH : **21 SEPT 2023**

ZONE : **POSITIF**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

M/SURAT : **28&29**

SEKTOR : **KPWKM**



KEK TOM AND JERRY PIKAT PELANGGAN

Wanita belajar hasilkan kek ketika PKP kini dijadikan sumber pendapatan

Kuala Lumpur

Berwarna-warni tetapi cantik berbaris-baris di atas meja, kek-kek ini adalah produk kreatif yang dihasilkan oleh Farah Nurul Anshah Mohamad Sukri yang meminati kek ais krim dan kek.

Berlak sebagai usahawan yang berbeza berbanding yang ada di pasaran, ditambah seri dengan hiasan seperti manik-manik gula yang pastinya menarik hati pengunjung dan peminat kek serta makanan.

Berpun masih 'hijau' dalam bidang pembuatan kek kerana baru memasuki tahun ketiga, anak kelahiran Ampang, Selangor bernasib baik tahun ini optimis dan berusaha mencari peluang dengan memasarkan produk ke luar negara menerusi label Therapeack.co.

Penjual yang bernama Feiya baru-baru ini berkecimpung di media sendiri bagaimana beliau melakukan proses membuat kek, daripada peringkat menyediakan adunan sehingga ke peringkat akhir iaitu menghias kek.

Lepasan Jannah Sarjan dalam bidang Kaunseling dan Psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ini ternyata tidak lekuk langsung dengan apa yang dilakukannya ini.

"Memang sebelum ini tiada pengalaman membuat kek. Buat kek ini pun bermula awal 2020 dengan sekadar membuat kek untuk tidak boleh diukir sahaja di rumah tanpa berbuat apa-apa selepas memamatkan pengajian pada 2019.

"Apakah lagi selepas Covid-19 melanda negara dan pelang pekeria juga tertutup ketika itu, akhirnya saya terpaksa mendendam hajat untuk mencari kerja khususnya dalam bidang kaunseling malahan psikologi," katanya ketika ditemui.

Feiya sebelum ini pernah bekerja sebagai pembimbing dalam talian untuk pelajar sekolah menengah dengan mengajar subjek teras seperti Sains dan Matematik bagi membolehkan pendapatan sendiri di samping tidak mahu terus bermasukan produk ke luar negara.

Namin begitu, kerjaya itu tidak kekal lama selain pendapatan yang diterima juga tidak seperti yang diharapkan.

"Dalam tempoh awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020, saya duduk di rumah tanpa melakukan sebarang pelajaran dan idea membuat kek berbanding ais krim dan kek ini datang secara tiba-tiba apabila berketuhan saya menonton video di YouTube tentang cara membuatnya.

"Melainkan pada awalnya agak

renyah, saya tetap cabar diri untuk mencuba, dengan hanya gunakan modal sendiri yang dimiliki ketika mengajarnya sekitar RM60. Saya membeli tepung, pewarna dan acuan manakala peralihan lain kebanyakannya memang sedia ada di rumah termasuk oven dan mesin pengadun," kata anak keempat daripada enam beradik ini.

Selain dirinya sendiri ialah hafid dengan kek leju dikenali sebagai Tom and Jerry Cheese cake dan kek ais krim atau cakecicles, Feiya nakad menghasilkan untuk jualan meskipun kek berkenaan lebih popular di luar negara ketika itu berbanding di Malaysia.

"Saya menonton video luar negara mengenai kek itu dan pada ketika itu hanya ada seorang atau dua sahaja pembuat kek tempatan yang mengukuhkannya. Jadi hasrat untuk buat kek leju Tom and Jerry serta kek ais krim atau cakecicles ini memang kuat," katanya.

Menurut Feiya pada peringkat awal perniagaan yang dimulakan di rumah, ahli keluarga adalah pelanggan utama juga pembantu selain sebagai pengkritik negatif produknya.

"Dalam masa seminggu saya bernasib baik kerana dan gajet. Saya minta keluarga ras dan apabila mereka rasa sedap dan bagi lampu

ke keju dan kek ais krim, mengkritik pilihan pembuat.

Dalam tempoh tiga bulan pertama, Feiya hanya memupuk perniagaannya kepada kek leju sebelum menawarkan pilihan kek berbeza ais krim kepada pelanggan.

Mengakui hampir berputus asa apabila ada kek yang dibuat tidak menjadi Feiya turut mengalah resesi awal 2022 supaya ia menjadi lebih baik.

"Situasi paling sukar ialah untuk mendapatkan hasil acuan yang cantik untuk leju-du-du jenis kek. Kek berbeza kerana ia paling sukar kerana bahagian dalamnya diperbuat daripada leju yang diadun dengan perasa mengikut citarasa pelanggan antaranya vanilla, cendawan, coklat gelap sebelum kita sajak dengan

chocolate putih.

"Proses untuk mengukuhkannya pada acuan sangat sukar kerana ada masa sahan (coating) akan pecah dan sukar untuk dibalut semula.

"Perah lebih 10 kali saya buang kek begitu sahaja dalam waktu sampai sebab rosak kerana bercampur dengan sahan berketukan dan disebabkan itu saya tidak tidur sebulan semasa-masa menyiapkan tempahan," katanya menentang resesi awal 2022 supaya ia menjadi lebih baik.

"Saya akan hantar ke bank untuk tidak berani mencuba warna lain. Bagi kek ais krim, Feiya menggunakan sepenuhnya kek span sebagai elemen utama sebelum dimasukkan ke dalam acuan coklat putih.

"Saya akan hantar ke bank untuk tidak berani mencuba warna lain. Bagi kek ais krim, Feiya menggunakan sepenuhnya kek span sebagai elemen utama sebelum dimasukkan ke dalam acuan coklat putih.

"Saya akan hantar ke bank untuk tidak berani mencuba warna lain. Bagi kek ais krim, Feiya menggunakan sepenuhnya kek span sebagai elemen utama sebelum dimasukkan ke dalam acuan coklat putih.

FARAH Nurul Anshah memperolehi tempahan kek ais krim dan kek pelanggannya.



TAJUK : KETERANGAN CAPRICE, MONDY TATTOO DIRAKAM

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 21 SEPT 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

ISU EBIT LEW

Subang Jaya

Keterangan Caprice, Mondy Tattoo dirakam

Polis merakam percakapan penyanyi rap Caprice dan gadis Indonesia yang dikenali sebagai Mondy Tattoo bagi membantu siasatan berkaitan laporan dibuat pendakwah Ebit Irawan Ibrahim Lew atau Ebit Lew.

Timbalan Ketua Polis Daerah Subang Jaya Superintendan Mohd Fairus Jaafar berkata, rakaman percakapan Ariz Ramli atau Caprice dan Dita Restu Amanda atau Mondy Tattoo itu diambil di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor, kelmarin.

"Bagi melengkapkan siasatan, beberapa saksi lain lagi dipanggil.

"Siasatan berhubung kes ini diteruskan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan Timbalan Ketua Polis Selangor Da-

tuk S Sasikala Devi memaklumkan pihaknya menerima arahan lanjut bagi meniasat kes itu.

Polis hanya menerima satu laporan dibuat Ebit Lew di Balai Polis USJ 8, Subang Jaya, Isnin lalu.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksanan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998.

Ebit Lew tampil membuat laporan polis dengan mendakwa berlaku fitnah melampau terhadapnya.

Ebit Lew menerusi hantaran di Instagram memaklumkan laporan polis

dibuat sebaik beliau tiba dari Jeddah, Arab Saudi jam 12 tengah malam.

Laporan itu dipercayai dilakukan selepas tular di media sosial satu rakaman wawancara bersama seorang wanita dari negara jiran yang pernah mendapat pertolongannya.

Wanita itu mendakwa menjadi mangsa gangguan seksual seorang pendakwah ketika kali pertama tiba di Malaysia, tahun ini.



CAPRICE dan Mondy dipanggil polis untuk memberi keterangan.



Kuala Lumpur: Penyanyi rap, Caprice, 35, mengesahkan sudah memberi keterangan selama enam jam bagi membantu siasatan atas laporan dibuat pendakwah Ebit Lew mengenai fitnah melampau di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor di Shah Alam, kelmarin.

Caprice berkata, dia mempunyai segala bukti kukuh berhubung pendedahan gangguan seksual yang dihadapi pengengaruh Indonesia, Mondy Tatto termasuk meminta wanita itu menandatangani perjanjian sebelum dikongsi di podcast kendaliannya itu, baru-baru ini.

"Kelmarin saya, Mondy dan beberapa kakitangan hadir memberi keterangan di IPK Selangor yang memakan masa selama enam jam. Kami memberi keterangan berdasarkan pengisian podcast yang tular.

Kami tak akan beri ruang...

"Hari ini ada kakitangan saya lagi yang sedang memberi keterangan mereka. Seramai empat orang sudah dipanggil. Setakat ini kami tunggu saja perkembangan lanjut.

"Selain membuat laporan polis dan menghantar Mondy menjalani ujian psikiatrik profesional, kami turut meminta Mondy menandatangani perjanjian yang mengesahkan semua dakwaan berhubung gangguan seksual itu benar," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran supplement ThorX, semalam.

Menurut Caprice atau nama sebenar, Ariz Ramli, tiada sebab pihaknya membayar Mondy untuk mereka tuduhan atau menjatuhkan mana-mana pihak.

"Kali ini kami tidak memberi ruang untuk ma-

na-mana pihak dengan mudah mengatakan kami menipu.

"Ketika kali pertama Mondy tiba di Malaysia, kami rakam perbualan secara senyap kerana waktu itu pun dia mula berkongsi serba sedikit apa yang dilalui. Kalau saya nak reka, takkan saya nak rakam senyap-senyap. Lebih baik saya suruh dia berlakon di hadapan kamera saja dan kalau fikir secara logik saya nak membayarnya, lebih baik saya cari mangsa yang masyarakat mudah percaya seperti wanita bertudung, alim, atau penghafaz al-Quran. Itu lagi mudah masyarakat percaya.

"Tapi wanita yang saya bantu ini bertutu dan kasta rendah di Indonesia. Buat apa saya nak seksa diri, keluarga untuk bela orang

yang dari kasta rendah," katanya.

Isnin lalu, Ebit tampil membuat laporan polis dengan mendakwa berlaku fitnah melampau terhadapnya.

Ebit menerusi hantaran di Instagram memaklumkan laporan polis itu dibuat sebaik beliau tiba dari Jeddah, Arab Saudi kira-kira 12 tengah malam.

Laporan itu dipercayai dilakukan selepas tular di media sosial rakaman wawancara bersama seorang wanita dari negara jiran yang pernah mendapat pertolongannya.

Wanita itu mendakwa menjadi mangsa gangguan seksual seorang pendakwah ketika kali pertama tiba di Malaysia, tahun ini. - *Laporan Nafiy Jefri*

Bapa Mondy akui anaknya sukar diatur

Kuala Lumpur: "Saya mohon maaf kepada Ustaz Ebit Lew atas kelakuan anak saya, mungkin anak saya dalam tekanan atau digunakan orang tak bertanggungjawab," demikian reaksi lelaki dipercayai bapa gadis Indonesia dikenali Mondy Tattoo.

Video reaksi lelaki itu ketika bersiaran langsung dengan pendakwah Indonesia, Ustaz Derry Sulaiman di TikTok pada kelmarin mengenai tindakan Mondy Tattoo atau nama sebenar, Dita Restu Amanda.

Dalam sesi siaran langsung itu, bapa Mondy berulang-kali memohon maaf kepada Ebit Lew atas keterangan kata anaknya dan meluahkan perasaan sedih dengan apa yang berlaku.

Jelasnya, penyanyi Rap Caprice mahupun isteri, Farra Elis tidak pernah menghubunginya untuk meminta izin bagi membawa Mondy ke Malaysia.

"Tak pernah berhubung dengan saya atau minta izin dengan saya sebagai orang tua," katanya.

Menurut lelaki itu, Mondy juga tidak bertemunya selepas pulang ke kam-

pong di Kerawang, Indonesia sebelum kembali semula ke Malaysia.

"Pertama kali Mondy pergi ke Malaysia, saya sudah minta dia bagi nombor telefon sesiapa supaya saya boleh menghubunginya tapi tidak dapat.

"Jadi saya mahu berkomunikasi dengan siapa? Di sini juga kebingungan (bingung) kerana minta nombor pak ustaz (Ustaz Derry) juga tiada.

"Anak saya Mondy susah diatur, Ya Allah, Ya Rasulullah, saya sebagai orang tua bagaimana?" luahannya.

Di akhir perbualan dengan Ustaz Derry, lelaki itu menangis dan mendoakan anaknya berkeadaan baik.

"Saya hanya doakan anak saya Mondy semoga sihat di sana.

